
TERMA DAN SYARAT

KEMPEN PENGAKTIFAN SEMULA KAD DEBIT AGRO-*i*

1. TEMPOH KEMPEN

- a) Kempen berlangsung dari **1 Ogos 2025 sehingga 30 November 2025**.

2. KONSEP SYARIAH

- a) Konsep Syariah yang diguna pakai bagi Kempen ini adalah prinsip Hibah Mu'allaqah (Hibah Bersyarat).
- b) Berdasarkan prinsip Hibah Mu'allaqah, Agrobank akan memberikan hadiah kepada pelanggan yang memenuhi segala Terma dan Syarat yang ditetapkan oleh Agrobank dan dikenal pasti sebagai pemenang.

3. KRITERIA KELAYAKAN

- a) Kempen ini terbuka kepada semua pemegang Kad Debit AGRO-*i* terpilih (tidak aktif menggunakan Kad Debit AGRO-*i*) selama tiga (3) bulan sebelum Tempoh Kempen.
- b) Kakitangan Agrobank layak untuk menyertai Kempen ini (kecuali kakitangan daripada Jabatan Komunikasi Pemasaran dan Jabatan Perbankan Digital).
- c) Pemegang Kad Debit AGRO-*i* perlu membuat transaksi menggunakan Kad Debit AGRO-*i* dengan menggunakan fungsi 'tanpa sentuh' atau 'leret' untuk segala jenis barangan dan perkhidmatan yang halal dan patut syariah sahaja.

4. MEKANISME KEMPEN

- a) Penyertaan ini adalah automatik dan tanpa pendaftaran. Untuk menyertai Kempen ini, pelanggan yang layak hendaklah membuat perbelanjaan di mana-mana kedai fizikal dalam satu resit tunggal menggunakan Kad Debit AGRO-*i* dan pelanggan akan menerima Pulangan Tunai RM10.
- b) Kedai fizikal yang layak bagi Kempen ini seperti **kedai runcit, pasar raya, kedai serbaneka, restoran** dan **pusat perkhidmatan kerajaan**.

5. PULANGAN TUNAI

- a) Pulangan Tunai adalah terhad kepada RM10 bagi setiap pelanggan sepanjang Tempoh Kempen atas dasar yang pertama didahulukan (*first come, first served basis*).
- b) Pemegang Kad Debit AGRO-*i* hanya dibenarkan memenangi Pulangan Tunai sekali sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
- c) Jumlah peruntukan Pulangan Tunai bagi Kempen ini adalah dihadkan kepada RM80,000 sepanjang Tempoh Kempen.

- c) Contoh Pulangan Tunai yang diberikan kepada pelanggan yang LAYAK / TIDAK LAYAK:-
- i. **Pelanggan Layak:** *Ali tidak menggunakan Kad Debit AGRO-i sejak tiga (3) bulan yang lepas. Kini, beliau mula menggunakan semula kad debatnya dan telah melakukan transaksi pertama selepas tempoh tidak aktif tersebut. Oleh itu, Ali layak menyertai Kempen ini kerana beliau memenuhi syarat pelanggan yang tidak aktif selama sekurang-kurangnya 3 bulan dan mula melakukan transaksi semula dalam Tempoh Kempen.*
 - ii. **Pelanggan Tidak Layak:** *Halimah telah mula menggunakan Kad Debit AGRO-i sejak dua (2) bulan lalu dan kerap menggunakannya untuk pembelian barangan runcit. Oleh kerana beliau merupakan pengguna aktif sejak awal dan tidak memenuhi syarat ketidakaktifan selama 3 bulan, Halimah tidak layak menyertai Kempen ini.*

6. PEMILIHAN PEMENANG DAN PEMBERITAHUAN PEMENANG

- a) Pelanggan hendaklah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Agrobank seperti yang dinyatakan dalam klausa-klausa 3 (a), (b) dan (c) di atas akan ditentukan sebagai pemenang atas dasar yang pertama didahulukan (*first come, first served basis*).
- b) Pulangan Tunai akan dikreditkan ke akaun simpanan pemegang Kad Debit AGRO-i pemenang setelah tamat Tempoh Kempen.
- c) Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dalam bentuk lain.
- d) Akaun Kad Debit AGRO-i pemenang mestilah terkini, sah dan mempunyai rekod yang baik sepanjang Tempoh Kempen. Sekiranya pemenang menamatkan akaun Kad Debit AGRO-i, maka Agrobank berhak membatalkan kelayakan pemenang daripada menerima Pulangan Tunai.
- e) Butiran semua pemenang (nama dan empat (4) nombor terakhir kad pengenalan) akan dipaparkan di www.agrobank.com.my (Laman Sesawang Rasmi Agrobank) dan/atau halaman media sosial rasmi Agrobank dan/atau e-mel dan/atau mana-mana kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Agrobank.
- f) Agrobank berhak untuk memilih pemenang lain sebagai pemenang untuk menggantikan mana-mana pemenang yang tidak layak atau tidak dapat dihubungi atau hilang kelayakan atas apa jua sebab.
- g) Penentuan pemenang adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau protes tidak akan dilayan.

7. PERUNTUKAN UMUM

- a) Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini serta sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Agrobank melibatkan Kempen ini.
- b) Pelanggan juga secara rasminya bersetuju untuk membenarkan pihak Agrobank untuk menggunakan, memaparkan atau menerbitkan nama, gambar dan/atau lain-lain maklumat berkaitan pemenang bagi tujuan publisiti dan pengiklanan. Pelanggan perlu menghubungi pihak Agrobank sekiranya ingin menarik balik mana-mana kebenaran yang telah diberikan. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk balik mana-mana kebenaran yang telah diberikan. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk kepada Notis Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dengan melayari laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my.
- c) Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut melalui medium seperti di bawah:
 - i. Pusat Panggilan Agrobank 1-300-88-2476;
 - ii. Layari laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my; atau
 - iii. Kunjungi Cawangan Agrobank berdekatan.
- d) Sebarang fi dan caj yang terlibat dalam Kempen ini hendaklah bergantung kepada ciri-ciri produk dan servis yang dilanggan oleh pelanggan.
- e) Segala Terma dan Syarat yang terdapat di dalam Terma dan Syarat ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Agrobank berhubung Kempen ini adalah muktamad dan konklusif. Pihak Agrobank tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat oleh pihak Agrobank.
- f) Pihak Agrobank berhak untuk membatalkan, menggantung atau mengubah mana-mana Terma dan Syarat bagi Kempen ini dengan notis sekurang-kurangnya 21 hari sebelum sebarang pembatalan, penggantungan dan perubahan yang dimaksudkan berkuatkuasa. Notis tersebut akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui kaedah dan saluran yang dikenal pasti oleh pihak Agrobank termasuk tetapi tidak terhad melalui pos, notis di cawangan Agrobank, melalui transaksi elektronik atau di dalam laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my.
- g) Bagi sebarang pembatalan, penggantungan atau perubahan yang dilakukan oleh pihak Agrobank, pelanggan tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan kepada pihak Agrobank atau menerima sebarang pampasan daripada pihak Agrobank bagi sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang ditanggung oleh pelanggan bagi menyertai Kempen ini.